

PAS sertai BN

UMNO sedia berbaik — Dr. M

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Moahamad sekali lagi menegaskan hari ini, UMNO tidak mem-
lingin menyertai halangan sekiranya PAS
nasional.

Bagaimanapun, Perdana Menteri yang juga
Presiden UMNO berkata, sekiranya PAS
dahulu.

Bercakap kepada pem-
berita selepas merasmikan kursus
agama anjuran Biro
Agama UMNO di ibupe-
jabat UMNO di sini hari
ini, Perdana Menteri
menegaskan, PAS
sebagai parti yang kecil
perluah memulakan
daya usahanya sendiri.

"Parti yang kecil perlu
bergabung dengan parti
yang lebih besar. Begitu
jugalah dengan sesebuah
pertubuhan yang lambat
menyertai kumpulan
yang besar mestilah
mengorak langkah lebih
dahulu jika ingin
menyertai kumpulan
yang besar dan sudah
lama tertubuh," ujarnya.

Dalam ucapannya Da-
tuk Seri Dr. Mahathir
Mohamad menyatakan
kesediaan UMNO
berbaik-baik dan beker-
jasama dengan mereka
yang selama ini menu-
duh kononnya UMNO
pendukung Kerajaan
yang tidak menjalankan
pemerintahan menurut
hukum Islam.

Perdana Menteri
selaku Presiden UMNO
menegaskan, UMNO
sebagai sebuah parti Is-
lam terbesar tidak akan
memusuhi mereka yang
menuduhnya secara
melulu.

Berdosa

"Tuduhan yang
mereka buat itu tidaklah
benar dan kita bersedia
membuktikannya pada
bila-bila masa.

"Kita juga bersedia
berbaik-baik dengan
mereka kerana kita ingin
membuat apa yang di-
suruh oleh Islam dan apa
yang kita boleh buat un-
tuk Islam," tambah
beliau semasa
merasmikan kursus
agama anjuran Biro
Agama UMNO di ibupe-
jabat UMNO di sini hari
ini.

Menurut Perdana
Menteri, sebagai sebuah
parti Islam, UMNO
mempunyai tanggungja-
wab berat.

Katanya, tindakan
Kerajaan terhadap keja-
dian kafir-mengkafir, pu-
lau memulau, berjemaah
berasingan dan tidak
menunaikan fardu
kifayah, dibuat
berasaskan Islam.

"UMNO tidak bertin-

dak kerana ingin
memenangi per-
tandingan politik tetapi
bertindak kerana kehend-
ak Islam dan aja-
rannya," tambah beliau.

Datuk Seri Dr.
Mahathir berkata,
sebagai orang Islam,
sebagai parti Islam dan
sebagai Kerajaan Islam
yang bertanggungjawab
kepada orang Islam dan
agama Islam di negara
ini, menjadi satu ke-
salahan besar dan
berdosa jika Kerajaan
melihat satu kesalahan
dibuat terhadap agama
Islam tetapi tidak
mengambil tindakan
sedangkan berupaya
berbuat demikian.

Perdana Menteri me-
nyeru supaya ahli-ahli
UMNO memahami
benar-benar peranan
UMNO sebagai pend-
ukung agama Islam.

Katanya, tuduhan-
tuduhan yang
mengatakan UMNO
tidak Islam tidaklah
benar, sebaliknya
mereka yang menu-
duhlah tidak menurut
hukum Islam kerana apa
yang dibuat oleh UMNO
selama ini mengikut lan-
dasan yang diizinkan
oleh Al-Quran dan Sun-
nah Nabi.

Perdana Menteri
sekali lagi mengingatkan
betapa negara-negara Is-
lam terpaksa bergantung
kepada negara bukan Is-
lam dalam segala la-
pangan kerana kelalaian
umat Islam sendiri.

Katanya, semua sis-
tem kewangan yang
diguna sekarang tidak
berasaskan Islam dan
negara-negara Islam
terpaksa mengikutnya,
kalau tidak mereka tidak
boleh mendapat keun-
tungan.

Perdana Menteri
berkata, disebabkan ne-
gara-negara Islam tidak
mempunyai ilmu
pengetahuan, mereka
terpaksa bergantung
kepada negara bukan Is-
lam, umpamanya dalam
teknologi pengeluaran
minyak.

Perdana Menteri
mengingatkan, walaupun
umat Islam di dunia kini
berjumlah kira-kira 900
juta orang tetapi masih
menjadi kumpulan mi-
noriti dan lemah.